

**Kajian Longitudinal Skala Kemahiran Insaniah Malaysia/
Malaysian Soft Skills Scale (My3S)
Pelajar Tahun Akhir Di IPTA**

Dimaklumkan Instrumen Skala Kemahiran Insaniah Malaysia/*Malaysian Soft Skills Scale* (My3S) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menilai pencapaian Kemahiran Insaniah di kalangan **pelajar warganegara peringkat Ijazah Sarjana Muda**. Tujuh (7) elemen utama Kemahiran Insaniah yang dinilai adalah seperti berikut:

- Kemahiran Komunikasi
- Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
- Kemahiran Kerja Berpasukan
- Pembelajaran Berterusan Dan Pengurusan Maklumat
- Kemahiran Keusahawanan
- Moral Dan Etika Profesional
- Kemahiran Kepimpinan

Lanjutan dari itu, **semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahun Akhir (warganegara Malaysia)** dikehendaki membuat penilaian mulai **30 April - 30 Mei 2014** melalui laman sesawang **<http://jpt.mohe.gov.my/my3s>**. Pelajar boleh melayari laman tersebut di mana-mana tempat yang mempunyai capaian internet dengan menggunakan **nombor kad pendaftaran pelajar sebagai nama pengguna** dan **nombor kad pengenalan sebagai kata laluan**.

Pelajar boleh berhenti dan *log-out* serta menyambung semula pengisian kajian bagi bahagian-bahagian yang belum selesai sepanjang tempoh kajian yang telah ditetapkan. Maklumat yang telah disimpan adalah muktamad dan tidak boleh dipinda.

Sekian, terima kasih.

Tarikh : 28 April 2014

Dikeluarkan oleh : Bahagian Akademik
Universiti Malaya